

PM: Untuk segerakan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza

# OIC perlu desak Israel laksanakan gencatan senjata

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**  
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) harus mendesak Israel dengan melaksanakan gencatan senjata serta-merta dan menyegerakan bantuan ke-



manusiaan kepada penduduk Gaza, Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyuarakan gesaan itu dalam Sidang Kemuncak Tergempar Pertubuhan OIC

ke-8 antara Negara-Negara Liga Arab dan Negara-Negara OIC di Riyadh kelmarin.

Beliau berkata, kekejaman yang dilakukan Zionis Israel terhadap rakyat Palestin perlu dihentikan segera, manakala OIC harus memainkan peranan lebih besar melibatkan isu kemanusiaan sejagat.

Kata Anwar, sudah masanya untuk semua pihak menggunakan kebijaksanaan selain mengajak negara-negara Islam mengambil langkah berani bagi mendepani pembantaian berterusan rejim Israel ke atas Palestin.